

# WINMYCO ANTISEPTIC CREAM

Acriflavine HCI (0.1%w/v)

Consumer Medication Information Leaflet (RiMUP)

- Apakah yang ada pada risalah ini**
1. Apakah kegunaan Winmyco Antiseptic Cream
  2. Bagaimana Winmyco Antiseptic Cream berfungsi
  3. Sebelum menggunakan Winmyco Antiseptic Cream
  4. Cara menggunakan Winmyco Antiseptic Cream
  5. Semasa menggunakan Winmyco Antiseptic Cream
  6. Kesan Sampingan
  7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Winmyco Antiseptic Cream
  8. Maklumat lanjut
  9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
  10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Winmyco Antiseptic Cream

Winmyco Antiseptic Cream adalah antisепik untuk merawat luka ringan dan luka terbakar.

## Bagaimana Winmyco Antiseptic Cream berfungsi

Winmyco Antiseptic Cream mengandungi Acriflavine HCI yang boleh membasmi bakteria dan mempunyai aktiviti antifngus.

## Sebelum menggunakan Winmyco Antiseptic Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda alah kepada Acriflavine HCI atau mana-mana bahan-bahan lain dalam produk ini.

### - Sebelum menggunakan

Untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan dari terkena mata, hidung dan mulut. Tidak boleh dimakan.

### - Jika mengguna ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda mengguna apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Winmyco Antiseptic Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan ke kawasan terjejas sekerap yang diperlukan.

### - Bila perlu digunakan

Gunakannya ketika perlu.

### - Berapa lama perlu digunakan

Tiada jadual dos disyorkan sebab penggunaan produk diguna apabila perlu.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa guna Winmyco Antiseptic Cream, gunakannya apabila anda teringat.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Overdos tidak mungkin berlaku. Sekiranya termakan secara tidak sengaja, pesakit perlu dihantar ke hospital yang terdekat untuk mendapatkan nasihat perubatan.

## Semasa menggunakan Winmyco Antiseptic Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Acriflavine mungkin amat jarang menyebabkan reaksi alahan. Jika anda mengalami sebarang gejala, hentikan penggunaan dan beritahu doktor atau ahli farmasi.

## Kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Winmyco Antiseptic Cream boleh mempunyai kesan sampingan, walaupun ini tidak memberi kesan kepada sesiapa

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI)).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Winmyco Antiseptic Cream

### *Penyimpanan*

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

### *Pelupusan*

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

## Maklumat lanjut

### *Rupa dan warna produk*

Winmyco Antiseptic Cream ialah cream oren kuning yang licin.

### *Bahan-bahan*

Bahan-bahan aktif  
Acriflavine HCI 0.1%w/v

Bahan-bahan tidak aktif

Liquid Paraffin, Cetomacrogol, Emulsifying Wax, White Soft Paraffin, Propylene Glycol, Benzyl Alcohol, Purified Water.

### - MAL Number:

MAL19912810XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

22/5/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)150518/00149